Info Kampus

BULETIN UiTM SARAWAK

ISO 9001: 2000 No Sijil : 500123

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

ISU 58

31 Dis 2007





Message from the Campus Director, UiTM SARAWAK

The New Year has arrived bringing with it new responsibilities and objectives. First of all, I wish to remind staff and students of Dato' Seri's annual themes or targets ("amanat").This year the focus is on Internationalization. Programs, seminars and paper presentations that we conduct should not only carry local but international aspects including collaboration with overseas partners. Perhaps we could go overseas or invite international guests here in our quest for joint research with regional and foreign counterparts. We could start off with neighbouring countries such as Singapore, Indonesia and Thailand. However, we need to reach out to Europe and other regions.

It needs to be stressed that Dato' Seri wants us to maintain all the previous themes ("amanat"), of the past eight years, along with the new ones of this year. We need to also think of designing student activities from an international level.

Thanks to all the staff for the strong, continuing support extended to me during the last three years, without it we could not have achieved success in all areas that UiTM Sarawak, Kampus Samarahan, up to now. The successes are seen through the new awards we have received, improved students performances and an overall improvement in quality. I have been reappointed for another term and I hope to receive an equally dedicated support.

I wish you a Happy Awal Muharram, Happy New Year and a Happy Chinese New Year.

Associate Professor Dr. Jamil Hj. Hamali
Campus Director

Sekadar Renungan.....

Hadiah yang terbaik kepada kawan ialah kesetiaan
Hadiah yang terbaik kepada musuh ialah kemaafan
Hadiah yang terbaik kepada ketua ialah khidmat
Hadiah yang terbaik kepada yang muda ialah contoh terbaik
Hadiah yang terbaik kepada yang tua ialah hayati budi mereka
Hadiah yang terbaik kepada pasangan ialah cinta dan ketaatan
Hadiah yang terbaik kepada manusia ialah kebebasan.

Dari Meja Editor

Bismillahhirrahmanirrahim…

Warga kampus yang dikasihi,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat- Nya di atas kemunculan Info Kampus kita untuk edisi kali ini. Untuk santapan warga kampus, kami tunggak baru Info Kampus telah membuat beberapa perubahan untuk kemunculan yang julung kalinya di atas penat lelah yang telah dicurahkan selama ini. Selaku Ketua Panel Editor untuk musim ini, tidak dinafikan bahawa pelbagai cabaran, permasalahan serta dugaan yang telah dilalui dalam usaha untuk menyiapkan keluaran yang telah menjadi tradisi kampus kita untuk memaklumkan kepada semua warga kampus akan pelbagai isu serta aktiviti yang berlaku di sekeliling kita.

2007 semakin jauh meninggalkan kita, manakala tahun baru 2008 menanti di ambang dengan senyumaman yang cukup mendebarkan. Saya percaya pelbagai peristiwa pahit manis 2007 disimpan dalam lipatan kenangan untuk dijadikan iktibar dan tauladan. Yang pasti 2008 disambut dengan semangat dan inspirasi untuk menjadi yang lebih baik meskipun cabarannya semakin getir.

Di kesempatan ini juga, setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang telah memberi sumbangan dari segi bahan cerita dan gambar-gambar yang menarik untuk dikongsi bersama. Kami amat menghargainya. Dan kami akan sentiasa memberi yang terbaik untuk setiap edisi yang dipaparkan sepanjang tahun ini.
Di harap keluaran kali ini dapat memberi kepuasan maksimum kepada warga kampus semua kerana hilang rasa penat dan lelah kami menghasilkan edisi ini apabila anda berpuas hati memilikinya. Bertemu lagi di edisi yang akan datang.

Salam coretan dan Selamat Tahun Baru.

Nur Aida Kipli
Ketua Panel Editor

aidan@sarawakuitm.edu.my



UiTM Sarawak

Editorial

Penasihat
- PROF MADYA DR JAMIL HJ HAMALI
- PROF MADYA DR HJH FATIMAH BUJANG

Penyelaras
- DR. FIRDAUS ABDULLAH

Ketua Panel Editor
- NUR AIDA KIPLI

Panel Editor
- DR PRABHA RAMAKRISHNAN
- CHIEW FE HA
- AIZIMAH ABU SAMAH
- SURIANI JACK
- ATIKAH RAMLI
- YUTHANDY MANIAM

Rekabentuk & Rekaletak
- CLEMENT ANAK JIMEL
- SUZANI AZMIN

Fotografi
- ABDUL KHALID KARIM

Sirkulasi
- SABARIAH MD APANDI

Pencetakan
- Lee Miing Press Sdn. Bhd

PROGRAM RAKAN MUDA WAWASAN DESA IPTA BAHAGIAN KUCHING 2007



Oleh: Wan Samiati Andriana Wan Mohd-Daud

Seramai 41 orang pelajar diiringi oleh 2 orang pensyarah dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah menyertai program ini. Program ini telah dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Pejabat Daerah Kuching dengan kerjsama UiTM serta penduduk Kampung Bako ini telah diadakan pada pada 17 hingga 19 Ogos 2007. Program ini bertujuan untuk mendekatkan mahasiswa Semenanjung dan Sabah khasnya dengan masyarakat setempat terutama dari kawasan luar bandar sambil menyemai bakti khidmat sosial mahasiswa kepada penduduk tempatan. Ia juga bertujuan untuk mendidik belia setempat dalam aktiviti- aktiviti kesukarelawan dan program khidmat sosial yang lebih tersusun. Kesemua 41 orang pelajar diserahkan kepada 10 buah keluarga untuk dijadikan sebagai keluarga angkat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah acara suaikenal, misi akademik, membersihkan kawasan kubur, sukaneka bersama penduduk kampung, malam kebudayaan serta bicara bersama pemimpin. Program Rakan Muda Wawasan Desa IPTA ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Helmi Hazmi, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak, En.Mohd Mazlan Anis, Pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Daerah Kuching, Tuan Hj. Mat bin Keri, Penghulu Kampong Bako serta Tuan Hj. Ajus bin Sirat, Ketua Kaum Kampung Bako.

CLEANING Campaign & the academic visit

AT RANCHAN POOL SERIAN

Oleh : Hj. Saudi

The Bachelor of Administrative Science Students Club (BASiS) of UiTM SARAWAK has jointly organized with Serian District Council the cleaning campaign at Ranchan Recreational Park, Serian on Saturday 18th August 2007. The activity was organized in conjunction with Merdeka celebration under the "Kempen Kebersihan Nasional 2007".

In his welcoming speech prior to the campaign, the Secretary of Serian District Council, Mr Phang Joon Foong appreciated the move by UiTM Students for being aware of the needs to work together in keeping the environment clear and jointly putting an effort to make Ranchan Pool as a popular tourism attraction site. Mr Phang Joon Foong stressed that the co-operation of the public is vital to maintain sustainable development at any tourism spot.

The people must be aware of the importance of cleanliness and not to liter as well as vandalizing the facilities provided by the Council.

The UiTM students were from the Faculty of Administrative Science and Policy Studies headed by the Club's President, Encik Rody ak Bunsu and project leader, En. Mclester Banta ak Ngelai. The Head of Program, Tuan Haji Saudi bin Haji Narani, who also spoke to the students during the function mentioned the needs for students to be aware of the challenges



RETREAT BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

Oleh : M.Hasimi Abdullah

Retreat kali ini telah diadakan di Santubong Resort, Kuching pada 5 hingga 7 Jun 2007. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali dengan penyertaan staf seramai 30 orang. Program yang berlangsung selama 3 hari ini adalah bertujuan untuk membaikpulih dan menaiktaraf perkhidmatan di bahagian Hal Ehwal Akademik. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti ceramah yang telah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Hjh Fatimah Bujang mengenai Pembasmian Dalam Sistem Pembaziran , Dr Kuldip Singh yang bertajuk *Revisiting KPI* dan seterusnya taklimat oleh PM Iris Syawe Seh Ling yang menyentuh mengenai *Value Analysia & PDCA Cycle*. Program ini juga lebih menjurus kearah semakan agihan tugas, objektif bahagian, misi dan visi bahagian termasuk piagam pelanggan diketuai oleh Penolong Pendaftar HEA. Perlaksanaan program ini telah berakhir dengan jayanya.

Bengkel Semakan *kurikulum IDA* CITU UiTM Sarawak

Oleh Che Bakar Che Mat

UiTM SARAWAK sekali lagi menjadi tumpuan apabila dipilih menjadi tuan rumah bagi Bengkel Penyemakan Kurikulum subjek IDA dari 12 hingga 14 Jun 2007. Bengkel yang diadakan selama tiga hari itu dihadiri oleh seramai empat puluh peserta dari semua cawangan UiTM dan juga Kolej Bersekutu. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh En. Abdul Jalil Lob, Timbalan Pengarah HEP yang mewakili Tuan Pengarah Kampus.

Bengkel yang telah diadakan selama tiga hari itu telah selesai menyiapkan kandungan silibus bagi kod-kod baru yang telah disesuaikan mengikut keperluan semasa selaras dengan aspirasi universiti. Silibus baru ini akan dilaksanakan sebaik sahaja mendapat kelulusan dari senat universiti

Majlis penutupan Bengkel ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah CITU, Ustaz Ramawan Ab. Rahman. Di dalam ucapan penutupan, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada UiTM SARAWAK di atas kemudahan yang telah disediakan sepanjang bengkel berjalan. Beliau juga kagum dengan semangat berpasukan yang telah ditunjukkan oleh warga CITU UiTM SARAWAK.

---

faced by local government administrators in facing the problems, and advised the students to be prepared with knowledge and skills of local governance. Tuan Haji Saudi, who was former Secretary of Serian District Council (1995-2002) is now a senior lecturer of UiTM Sarawak and was also the former Deputy President of Betong prior to joining UTM in 2005.

Late in the afternoon, about thirty of the first year Bachelor Degree students attended the briefing by Mr. Phang on the development and functions of Serian District Council at Dewan Kuliah at Ranchan Recreational Park. Mr. Thomas Rambli Suttu, the Head of Public Health Sector was also present. Encik Abang Yusuf bin Abang Spawi, the Bachelor Administrative Science in Sarawak (BASiS) club advisor also attended the student's function later in the evening.







A Happy and Prosperous New Year to All



UiTM Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak.
Tel: 082 - 677 200 Telefax: 082 - 677 300
email: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com